



Headline: Penasihat syarikat rugi RM24,450 ditipu Language: Malay
sindiket

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 13 May 2020

Section: Nasional

Page: 23

Penasihat syarikat rugi RM24,450 ditipu sindiket

KUANTAN - Seorang penasihat syarikat per-sendirian kerugian RM24,450 selepas terpe-daya dengan sindiket Macau Scam yang me-nyamar sebagai anggota polis di sini kelmarin.

Mangsa berusia 29 tahun pada mulanya menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki kononnya daripada Lembaga Hasil Da-lam Negeri (LHDN) kira-kira jam 10.54 pagi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, suspek memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan cukai Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah sebuah syarikat enterprise.

Menurutnya, mangsa menafikannya sebe-lum panggilan itu disambungkan kepada seo-rang lelaki yang kononnya anggota polis di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Kedah.

“Mangsa diminta memindahkan kesemua wang dalam akaunnya ke dalam akaun yang diberikan suspek kononnya untuk tujuan sia-satan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.